

CNS5022

B GB 21-05 00153 BH856

aab

Mahathir - Wira

PERDANA MENTERI LANCAR PROTON WIRA

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini melancarkan model terbaru kereta nasional -- Proton Wira -- dan berkata kejayaan itu melenyapkan pelbagai anggapan negatif mengenai keupayaan rakyat Malaysia untuk menerima pemindahan kemahiran berteknologi tinggi.

Perdana Menteri berkata, model itu adalah hasil ciptaan penyelidikan, rekaan serta usaha rakyat Malaysia.

Lebih daripada itu, kata beliau, penyesuaian kilang Proton dan alat-alatnya untuk mengeluarkan kereta hari ini adalah juga hasil usaha jurutera dan pekerja tempatan.

"Dengan ini, sebahagian daripada matlamat kerajaan untuk meningkatkan keupayaan tempatan dalam bidang kejuruteraan, termasuk kejuruteraan pengeluaran, sudahpun tercapai," katanya pada upacara itu di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Perdana Menteri berkata Proton harus meningkatkan usaha penyelidikan dan pembangunannya untuk memastikan kereta nasional terus berkemampuan menandingi prestasi kereta lain di pasaran antarabangsa. -- Lagi

▼21/05/21-12MST

CNS5026

B GB 21-05 00137 BH857

aab

Mahathir - Wira 2 Kuala Lumpur

Dr Mahathir berkata Proton harus bukan saja berupaya membuat perubahan kosmetik terhadap model-model kereta nasional bahkan mencipta sepenuhnya model baru bagi memberi kepuasan kepada pembeli yang selalu bertukar citarasa.

Beliau berkata 400,000 kereta Proton di jalan raya seluruh negara membuka peluang kepada satu lagi industri penting iaitu industri bagi "recondition" kereta lama.

Dengan adanya industri itu, kereta terpakai bukan sahaja akan mempunyai kualiti baik tetapi berkemungkinan dieksport jika harganya berpatutan.

Bagaimanapun katanya, adalah penting bagi kereta terpakai dibaik pulih terlebih dahulu supaya tidak menjadi punca kemalangan di jalan raya.

Beliau berkata kejayaan kereta Proton menembusi pasaran di banyak negara dan kejayaannya meraih enam anugerah emas dipameran antarabangsa telah menarik minat banyak negara untuk mengimport kereta nasional itu. -- Lagi

▼21/05/21-26MST

CNS5027

B GE 21-05 00137 BH858

a a b

Mahathir - Wira 3 Kuala Lumpur

"Kerajaan berharap dengan adanya Proton Wiraini usaha mencari pasaran baru dapat dipertingkatkan lagi. Untuk ini, Proton perlu menambah keupayaannya mengeluarkan lebih banyak kereta di samping menerokai pasaran-pasaran baru," katanya, sambil mencadangkan pengeluaran model pemandu sebelah kiri bagi kereta nasional itu.

Beliau berkata jika model pemandu sebelah kiri dikeluarkan banyak pasaran luar yang baru yang menggunakan kereta jenis ini boleh dijadikan sasaran pemasaran Proton.

Perdana Menteri berharap Proton akan memberi perhatian serius kepada bidang eksport kerana ini bukan sahaja meningkatkan jumlah malah menambah skel ekonomi serta memcsatkan industri sampingan dan sokongan.

Dengan itu, katanya, Malaysia boleh menjadi pembekal kepada komponen-komponen industri automobil di negara lain.

Beliau juga berkata kejayaan sesebuah perniagaan bergantung kepada perkhidmatan lepas jualannya. -- Lagi

▼21/05/21-27MST

CNS5029

B GB 21-05 00168 BH859

aab

Mahathir - Wira 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Katanya, kepercayaan pengguna terhadap sesuatu barangan biasanya bergantung kepada keupayaan pengedar atau penjualnya menyediakan perkhidmatan penyelenggaraan, nasihat, panduan dan pembaikan barangan yang dijualnya.

Beliau berkata perkhidmatan itu penting bagi industri kereta dan menyarankan Edaran Otomobil Nasional supaya memberi perkhidmatan lepas jualan dan layanan yang baik kepada pelanggan untuk memastikan kereta Proton terus mendapat tempat di pasaran tempatan.

Dr Mahathir berkata kapasiti kilang Proton sebanyak 120,000 buah setahun perlu ditingkatkan lagi berikutan minat yang ditunjukkan oleh banyak negara yang belum mengimport kereta itu.

Perdana Menteri berkata Proton Wira merupakan satu kebanggaan dan kejayaan Malaysia kerana ia membuktikan kemampuannya menerokai teknologi canggih dalam industri automobil yang dilaksanakan melalui satu proses perancangan dan penyelidikan serta kepakaran kejuruteraan tempatan.

Proton generasi baru itu lebih aerodinamik, berciri moden, canggih dan dilengkapi dengan ciri keselamatan lebih baik untuk penumpang serta setaraf dengan kereta yang sekelas dengannya dipasaran antarabangsa. --

Bernama-

NAK MIB